

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (31)

2 Januari 2014
30 Safar 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1/2014

PELAKSANAAN HARI KHAMIS SEBAGAI HARI BERKOMUNIKASI BAHASA INGGERIS DI KALANGAN WARGA UTM

Dimaklumkan bahawa pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 23/2013 yang telah diadakan pada 26 Disember 2013 bersetuju untuk melaksanakan hari Khamis setiap minggu sebagai hari berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di kalangan warga UTM.

2. Pada masa kini staf dan mahasiswa UTM tidak lagi hanya terdiri daripada golongan warga tempatan. Penguasaan Bahasa Inggeris diperlukan bagi meningkatkan tahap keyakinan untuk berkomunikasi dengan warga antarabangsa. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan tahap keupayaan staf UTM untuk berbahasa Inggeris, pelaksanaan ini dianggap sebagai salah satu kaedah latihan harian kepada staf UTM selain daripada latihan umum yang dilaksanakan oleh pihak Bahagian Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk:

- i) Memastikan warga UTM berupaya berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris;
- ii) Membudayakan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan warga UTM;
- iii) Mewujudkan keyakinan diri kepada warga UTM dalam penguasaan Bahasa Inggeris sebagai medium utama komunikasi antarabangsa;
- iv) Menjadikan salah satu program latihan secara berterusan di kalangan staf dan juga warga UTM.

3. Pelaksanaan ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Ketua Jabatan adalah diminta untuk memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan jayanya di peringkat jabatan masing-masing dengan penglibatan daripada semua lapisan staf.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg Naib Canselor
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah